

**Pengendali Takaful** : AmMetLife Takaful Berhad (No. Syarikat 201101002936 (931074-V))  
**Sijil** : BIMA Life  
**Pemegang Sijil Induk** : Milvik Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat 1287372-W) (dikenali sebagai "BIMA")  
**Peserta** : Orang yang dilindungi dibawah Sijil ini.

## **PENGAKUAN PENTING**

- A. Sijil ini dikeluarkan oleh Pengendali Takaful kepada BIMA sebagai Pemegang Sijil Induk skim sijil takaful berkelompok untuk menyediakan Perlindungan Takaful individu kepada orang yang layak yang memohon pilihan pelan takaful seperti yang dinyatakan di dalam Sijil ini dan membayar Sumbangan berkenaan melalui bil telefon bimbit dengan Penyedia Telekomunikasi, kad kredit, kad debit, akaun simpanan atau e-dompet.
- B. Sebagai balasan Sumbangan yang diterima atau yang akan diterima, Pengendali Takaful hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful kepada Peserta dan membayar tuntutan bagi pilihan pelan takaful yang terpilih tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini. Penyedia perkhidmatan pembayaran atau BIMA adalah tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan untuk Perlindungan Takaful berkenaan dengan Sijil ini.
- C. BIMA akan mentadbir Sijil ini sebagai pemilik Sijil induk dan ejen Pengendali Takaful dengan:
  - (i) mengumpul Data Peribadi orang yang layak memohon Perlindungan Takaful dan menyediakannya kepada Pengendali Takaful pada dasar berkala yang dipersetujui;
  - (ii) mengutip Sumbangan yang kena dibayar tidak termasuk komisen dan menghantarnya kepada Pengendali Takaful;
  - (iii) mengendali sebarang pembatalan Perlindungan Takaful oleh Peserta dan bayaran balik Sumbangan; dan
  - (iv) menguruskan tuntutan dan perkhidmatan pelanggan yang berkenaan dengan Sijil ini yang dibenarkan oleh Pengendali Takaful.

Terma dan syarat Sijil ini boleh didapati di [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my) atau laman web lain yang akan dimaklumkan oleh BIMA dari semasa ke semasa.

Untuk pertanyaan, aduan dan tuntutan yang berkenaan dengan Sijil ini, Peserta boleh menghubungi khidmat pelanggan BIMA melalui e-mel di [info.my@milvik.se](mailto:info.my@milvik.se), hotline di 03 20225555 atau WhatsApp di 03 20225900.

## **BUTIRAN SIJIL**

Sijil takaful induk berkelompok ini menyediakan bayaran sekaligus sebagai Manfaat Kematian sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan atau Selain Kemalangan terhadap Peserta kepada Penama yang dinamakan oleh Peserta atau orang yang berhak menerusi Peserta. Perlindungan Takaful yang disediakan oleh Pengendali Takaful tertakluk kepada dan akan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.

### **1. KELAYAKAN**

Mana-mana individu adalah layak memohon Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini jika orang itu adalah:

- a) pernah mengambil bahagian dalam kempen pemasaran yang dianjurkan oleh BIMA dan/atau sekutu atau rakan kongsi dan bersetuju untuk menerima panggilan tele-pemasaran dari BIMA;

- b) individu yang memiliki kad kredit, kad debit, akaun simpanan, e-dompet atau nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan Penyedia Telekomunikasi; dan
- c) berumur sekurang-kurangnya 18, tetapi tidak lebih daripada 50 tahun (hari lahir terdekat) pada tarikh pendaftaran untuk pilihan pelan takaful ("**Tarikh Pendaftaran**").

## 2. KONSEP SHARIAH

Skim ini menggunakan konsep-konsep Syariah yang berikut:

### 2.1 Wakalah

- a) Pemilik Sijil Takaful melantik Pengendali Takaful untuk bertindak bagi pihak Peserta untuk melaburkan dan menguruskan Dana Risiko Peserta-peserta (DRP). Bagi menguruskan dan melaburkan dana, Takaful Operator berhak menerima fi Wakalah.
- b) Wakil yang dilantik oleh Pengendali Takaful untuk memungut Sumbangan daripada Pemegang Sijil Induk layak untuk menerima komisen daripada Pengendali Takaful berdasarkan Sumbangan yang dibayar.

### 2.2 Tabarru'

- a) Jumlah Sumbangan selepas ditolak fi Wakalah akan dianggap sebagai amaun Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam DRP, di mana manfaat takaful yang perlu dibayar akan dibayar daripada dana tersebut.

### 2.3 Qard

- a) Pembiayaan tanpa faedah daripada Kami sekiranya PRF berada dalam keadaan defisit.

## 3. TARIKH BERKUATKUASA TAKAFUL

- 3.1 Perlindungan Takaful di bawah pilihan pelan terpilih akan berkuatkuasa pada hari pertama bulan yang berikut selepas bulan Tarikh Pendaftaran, dengan syarat sebahagian Sumbangan telah dibayar ("Tarikh Berkuatkuasa Takaful") seperti yang disahkan oleh BIMA.
- 3.2 Sekiranya tiada sebahagian daripada Sumbangan yang telah dibayar pada bulan Tarikh Pendaftaran, Tarikh Berkuatkuasa Takaful akan ditangguhkan sehingga hari pertama bulan berikutnya selepas bulan di mana sebahagian Sumbangan telah dibayar seperti yang disahkan oleh BIMA.
- 3.3 Selepas pendaftaran, Peserta secara automatik akan menerima Perlindungan Takaful bulanan, dengan syarat sebahagian Sumbangan telah dibayar seperti yang disahkan oleh BIMA, sehingga penamatan atau pembatalan Perlindungan Takaful mengikut Klausus 14.
- 3.4 Berikutnya penamatan atau pembatalan, jika Peserta mendaftar semula untuk Perlindungan Takaful sekali lagi untuk apa jua sebab, Perlindungan Takaful Peserta akan tertakluk kepada apa-apa terma yang akan dimaklumkan oleh BIMA termasuk Tarikh Berkuatkuasa Takaful yang baru.

## 4. TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini boleh dibatalkan oleh Peserta dalam tempoh lima belas (15) hari, atau dalam tempoh lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, dari tarikh penerimaan terma dan syarat Sijil ini ("**Tempoh Rujukan Percuma**"). Perlindungan Takaful boleh dibatalkan dengan menghubungi perkhidmatan pelanggan BIMA. Jika Perlindungan Takaful dibatalkan dalam tempoh percubaan, mana-mana bahagian Sumbangan yang dibayar akan dipulangkan dan tiada Perlindungan Takaful akan disediakan di bawah Sijil ini.

## 5. PENDAFTARAN

Orang yang layak mesti memberikan maklumat berikut untuk menjadi Peserta semasa pendaftaran:

- a) nama penuh seperti kad pengenalan atau pasport;
- b) nombor telefon yang sah yang berdaftar dengan Penyedia Telekomunikasi;
- c) nombor kad pengenalan atau nombor paspot;
- d) tarikh lahir;
- e) pilihan pelan dipilih; dan
- f) pengisytiharan kesihatan.

## 6. PILIHAN PELAN

- a) Pilihan pelan yang ada adalah seperti berikut:

	BIMA 5	BIMA 10	BIMA 15	BIMA 25
<b>Manfaat Kematian</b>	<b>RM20,000</b>	<b>RM40,000</b>	<b>RM60,000</b>	<b>RM100,000</b>
Sumbangan Bulanan	RM5.00	RM10.00	RM15.00	RM25.00

Jadual di atas menunjukkan Manfaat Kematian bagi setiap pelan sekiranya Sumbangan bulanan dibayar sepenuhnya. Jika hanya sebahagian daripada Sumbangan dibayar sebelum Tarikh Berkuatkuasa Takaful, Manfaat Kematian untuk Perlindungan Takaful akan mengikut kadar bersamaan dengan amaun Sumbangan yang dibayar. Sekiranya tiada bayaran sumbangan pada bulan tertentu, tiada perlindungan akan diberikan untuk bulan berikutnya.

- b) Contoh - Sumbangan sebahagian dibayar

Peserta memilih BIMA 5, di mana Sumbangan adalah RM5.00 sebulan.

Sumbangan sebahagian sebanyak RM2.50 (50% daripada Sumbangan penuh RM5.00) dibayar selepas Tarikh Pendaftaran. Ini akan menyediakan Perlindungan Takaful sebanyak RM10,000 (50% daripada Manfaat Kematian sebanyak RM20,000) pada bulan berikutnya dari Tarikh Berkuatkuasa Takaful.

- c) Contoh - Tiada Sumbangan dibayar

Sekiranya tidak ada sebahagian Sumbangan bagi pelan pilihan yang berkenaan dibayar dalam sebulan dari Tarikh Pendaftaran, Manfaat Kematian yang diberikan adalah RM 0 dan Perlindungan Takaful belum berkuatkuasa. Lihat Klausus 6(b) di atas.

- d) Melainkan Perlindungan Takaful ditamatkan atau dibatalkan mengikut Klausus 14, pelan yang dipilih akan diteruskan sehingga sebahagian daripada Sumbangan dibayar atau sehingga ia dianggap sebagai luput, selaras dengan Klausus 13.

## **7. KAEDEH PEMBAYARAN**

- 7.1 Bagi Peserta yang merupakan pelanggan prabayar Penyedia Telekomunikasi, bayaran Sumbangan akan ditolak dari baki masa panggilan telefon bimbit Peserta selaras dengan pelan pembayaran yang dipilih pada masa pendaftaran. Peserta boleh memilih pelan pembayaran mingguan atau bulanan. Bilangan ansuran adalah seperti berikut:

Pelan Bayaran	Harian	Mingguan	Bulanan
Bilangan penolakan setiap bulan daripada baki masa panggilan telefon bimbit Peserta	20	4	1

- 7.2 Bagi Peserta yang membuat pembayaran melalui saluran pembayaran lain (seperti bil pascabayar, kad kredit, kad debit, akaun simpanan atau e-dompet), pembayaran Sumbangan akan dikutip oleh BIMA secara bulanan.
- 7.3 Pembayaran Sumbangan yang perlu dibayar akan dikutip oleh BIMA melalui saluran pembayaran dan dipindahkan kepada Pengendali Takaful selepas potongan komisen untuk membayar Perlindungan Takaful bagi Peserta.

## **8. TEMPOH MENUNGGU**

- 8.1 Perlindungan untuk kematian akibat Selain Kemalangan hanya akan bermula setelah tiga puluh (30) hari dari Tarikh Berkuatkuasa Takaful. Namun, bagi kematian akibat Kemalangan, perlindungan akan bermula serta merta dari Tarikh Berkuatkuasa Takaful.
- 8.2 Ia tidak terpakai untuk pembaharuan Perlindungan Takaful Peserta.
- 8.3 Sekiranya Perlindungan Takaful telah loput atau ditamatkan, Tempoh Menunggu akan terpakai semula dari Tarikh Penguatkuasaan Semula.

## **9. PENGECUALIAN**

- 9.1 Kematian yang disebabkan oleh Selain Kemalangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Berkuatkuasa Takaful. Sekiranya berlaku, tiada manfaat akan dibayar.

## **10. PENAMAAN MELALUI HIBAH**

- 10.1 Peserta berhak membuat penamaan satu atau lebih individu ("Penama") yang akan menerima manfaat Kematian apabila kematian Peserta sebagai penerima manfaat ("Hibah"). Peserta boleh menukar penama pada bila-bila masa dengan menghubungi khidmat pelanggan BIMA.
- 10.2 Penama adalah tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran untuk Perlindungan Takaful Peserta di bawah Sijil ini.
- 10.3 Maklumat setiap Penama seperti berikut adalah diperlukan untuk penamaan yang layak:
- nama penuh seperti kad pengenalan atau pasport;
  - nombor kad pengenalan atau nombor pasport;
  - Nombor perhubungan dan alamat kediaman dan surat-menjurat;
  - Pekerjaan Penama;

- e) Hubungan Penama dengan Peserta;
- f) Bahagian manfaat tuntutan yang diperuntukkan kepada Penama (jika terdapat beberapa penama).

10.4 Apabila didaftarkan, BIMA diberi kuasa oleh Peserta untuk menghubungi Penama yang ditetapkan dan memaklumkan kepada mereka tentang Perlindungan Takaful Peserta.

10.5 Jika Peserta tidak menamakan mana-mana Penama untuk menerima manfaat Kematian apabila kematian takaful Peserta, manfaat Kematian akan dibayar kepada penuntut yang merupakan:

- a) wasi atau pentadbir sah harta pusaka Peserta; atau
- b) jika Pengendali Takaful berpuas hati bahawa tidak ada wasi atau pentadbir kepada Peserta, manfaat itu hendaklah dibayar kepada Penuntut yang Wajar menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

10.6 Sebarang Manfaat Kematian yang dibayar kepada Penama yang dinamakan oleh Peserta, akan melepaskan BIMA dan Pengendali Takaful dari semua liabiliti mereka di bawah Sijil ini. Peserta tidak boleh menarik balik tanggung rugi BIMA dan Pengendali Takaful terhadap apa-apa tuntutan yang boleh dibuat terhadap BIMA atau Pengendali Takaful untuk pembayaran manfaat kematian kepada Penama seperti yang diarahkan oleh Peserta dan tanggung rugi ini akan tetap mengikat harta pusaka dan wakil perundangan peribadi Peserta.

10.7 Manfaat Kematian yang dibayar mengikut Klausus 10.5 ini, hendaklah melepaskan BIMA dan Pengendali Takaful dari semua liabiliti mereka di bawah Sijil ini walaupun ketidaaan atau tidak kesahan atau apa-apa kecacatan dalam pemberian probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pengagihan atau sebarang dokumen lain yang mempunyai kesan yang sama.

## **11. PENGURUSAN TUNTUTAN**

11.1 Notis Tuntutan dan apa-apa dokumen sokongan yang dikehendaki di bawah Sijil ini hendaklah diberikan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari dari kematian Peserta. Pengendali Takaful boleh menerima Tuntutan walaupun selepas tempoh tersebut hanya dalam keadaan tertentu dan atas alasan di luar kawalan penuntut.

11.2 Pemprosesan Tuntutan akan bermula selepas dokumen-dokumen berikut telah diserahkan kepada BIMA:

- a) identiti Penama Tuntutan atau Penuntut - salinan NRIC atau paspot;
- b) sijil kematian atau bukti lain kematian Peserta; dan
- c) borang tuntutan.

11.3 Dokumen boleh disediakan dalam bentuk digital atau salinan cetakan. Pengendali Takaful atau BIMA boleh meminta dokumen tambahan atau semakan untuk menyiasat Tuntutan.

11.4 Penama atau Penuntut yang Wajar (jika tiada Penama) boleh menghubungi perkhidmatan pelanggan BIMA untuk memfailkan Tuntutan.

## **12. PEMBAYARAN TUNTUTAN**

- 12.1 BIMA atau Pengendali Takaful akan membayar jumlah yang berkenaan untuk Tuntutan yang layak dan diluluskan dalam masa tiga (3) hari bekerja setelah penyerahan semua dokumen lengkap dan disahkan. Jumlah yang berkenaan ditetapkan pada tarikh kematian Peserta dan berdasarkan pilihan pelan dan Sumbangan yang dibayar dalam bulan sebelum kejadian yang dilindungi.
- 12.2 Pembayaran jumlah berkenaan untuk Tuntutan yang layak dan diluluskan akan membentuk pelepasan penuh dan muktamad BIMA dan Pengendali Takaful sepenuhnya dari semua liabiliti mereka di bawah Sijil ini berkenaan dengan Peserta.

## **13. PERATURAN LUPUT**

- 13.1 Bagi pelanggan Celcom: Berikutan tiada bayaran sama ada Sumbangan Bulanan atau Sumbangan sebahagian penuh untuk tempoh berturut-turut selama tiga (3) bulan kalendar, Perlindungan Takaful akan dianggap telah luput.
- 13.2 Bagi pelanggan Digi: Berikutan tiada bayaran sama ada Sumbangan Bulanan atau Sumbangan sebahagian penuh untuk tempoh berturut-turut selama satu (1) bulan kalendar, Perlindungan Takaful akan dianggap telah luput.
- 13.3 Bagi pelanggan yang menggunakan kad kredit / kad debit / debit langsung / e-dompet : Berikutan tiada bayaran Sumbangan sama ada bulanan atau Sumbangan sebahagian atau penuh untuk tempoh berturut-turut selama tiga (3) bulan kalendar, Perlindungan Takaful akan dianggap telah luput.

## **14. PENAMATAN DAN PEMBATALAN**

- 14.1 Perlindungan Takaful Peserta di bawah Sijil ini akan ditamatkan secara automatik, tanpa notis atau apa-apa tindakan yang diperlukan oleh mana-mana pihak, apabila berlakunya mana-mana yang berikut:
- a) pada tarikh Umur Peserta (hari lahir yang terdekat) ialah 51; atau
  - b) pada tarikh Peserta berhenti menjadi individu yang layak untuk perlindungan takaful seperti dinyatakan di Klausus 1; atau
  - c) pada tarikh BIMA atau Pengendali Takaful menerima permintaan pembatalan Perlindungan Takaful dari Peserta; atau
  - d) pada tarikh Perlindungan Takaful dianggap telah luput selaras dengan Klausus 13; atau
  - e) pada tarikh pembayaran manfaat Kematian di bawah Perlindungan Takaful ini dibayar, mana-mana yang terdahulu.
- 14.2 Peserta boleh membatalkan Perlindungan Takaful pada bila-bila masa dengan menghubungi BIMA. Mana-mana Sumbangan yang telah dibayar akan dikenakan terhadap Perlindungan Takaful untuk bulan berikutnya. Tiada nilai penyerahan setelah pembatalan Perlindungan Takaful dan tidak ada bayaran balik sebarang Sumbangan yang dibayar untuk sebarang pembatalan selepas tempoh rujukan percuma.

## **15. SALAHNYATAAN FAKTA**

15.1 Sekiranya Umur Peserta berada di luar had yang ditetapkan dalam Sijil ini atau Peserta tidak layak untuk dilindungi atas apa-apa sebab lain, Sumbangan yang dibayar ditolak yuran pentadbiran akan dikembalikan kepada Peserta.

15.2 Sekiranya:

- a) Pengisytiharan Kesihatan oleh Peserta terbukti salah atau salah nyataan tentang keadaan kesihatan Peserta; atau
- b) Peserta telah membuat apa-apa salah nyataan material lain atau tidak mendedahkan atau menyembunyikan maklumat,

perlindungan Takaful di bawah Sijil ini akan dianggap batal dan tidak sah, yang bermaksud Pengendali Takaful tidak akan membayar apa-apa manfaat di bawah Sijil ini dan Sumbangan yang dibayar oleh Peserta tidak akan dikembalikan kepada Peserta.

## **16. PERUNTUKAN AM**

### **Mata Wang**

Semua amaun perlu dibayar selaras dengan Sijil ini perlu dibayar mata wang Malaysia.

### **Pindaan Sijil**

Pengendali Takaful berhak untuk menukar atau menarik balik Sijil, termasuk perubahan kadar Sumbangan, pada bila-bila masa yang diberikan sekurang-kurangnya 30 hari notis akan diberikan kepada Peserta. Tiada seorang pun atau ejen mempunyai hak untuk membuat apa-apa perubahan atau mengecualikan apa-apa terma dan syarat dalam Sijil ini.

### **Bilangan Sijil**

Sekiranya seseorang didaftarkan di bawah beberapa Sijil, hanya satu Sijil akan dikeluarkan.

### **Pemindahan**

Ia adalah tidak dibenarkan memindahkan Sijil atau Perlindungan Takaful atau manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

### **Notis**

Sebarang notis atau komunikasi akan dihantar secara peribadi, secara digital atau melalui telefon dan akan dianggap telah dihantar dengan serta-merta. Saluran komunikasi disediakan di laman web BIMA's: [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my).

### **Dana Risiko Peserta (DRP) dan Agihan Lebihan**

- a) Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah, akan diperuntukkan ke dalam DRP sebagai Tabarru'.
- b) DRP adalah untuk manfaat bersama semua Peserta dan menyediakan satu bentuk perlindungan kewangan.
- c) Kami akan membayar Manfaat Takaful untuk perlindungan yang berkaitan di bawah Sijil ini daripada DRP.
- d) Kami akan menguruskan aset-aset dan mempunyai hak mutlak untuk melabur dan menguruskan aset-aset berdasarkan prinsip-prinsip Syariah dan akan mengelak daripada melabur aset-aset di dalam saham-saham atau aset-aset yang dilarang oleh Syariah. Kami akan membiayai apa-apa kerugian yang berlaku di dalam DRP jika kerugian tersebut adalah terbukti disebabkan oleh kecuaian kami dalam menguruskan DRP.

- e) Semua kos, perbelanjaan, caj dan cukai untuk menyelenggara dan melaburkan aset-aset DRP dan sebarang perbelanjaan lain akan ditanggung dan dibayar daripada DRP.
- f) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti DRP akan dinilai pada akhir setiap Tahun Kewangan dan prinsip-prinsip aktuari akan diguna pakai untuk menilai Lebihan yang terhasil. Bayaran dan peruntukan tuntutan, kos retakaful, rizab teknikal, rizab penstabilan dan sebarang defisit yang telah dibawa ke hadapan akan diambil kira semasa kami mengira Lebihan yang terhasil.
- g) Sebarang Lebihan daripada DRP akan diperuntukkan semula kepada PRF.
- h) Jika terdapat defisit di dalam DRP, kami akan menyediakan Qard daripada dana pemegang-pemegang saham untuk membiayai defisit. Lebihan yang terhasil di dalam DRP pada masa hadapan akan digunakan untuk membayar Qard sebelum Lebihan diagihkan.

#### **Pengecualian**

Sekiranya Peserta, BIMA atau Pengendali Takaful tidak menguatkuasakan peruntukan Sijil ini, ini tidak akan dianggap sebagai pengecualian hak pihak dalam Sijil ini dan tidak mempengaruhi kesahan keseluruhan atau mana-mana bahagian Sijil ini atau menjaskarkan hak Peserta, BIMA atau Pengendali Takaful untuk mengambil tindakan selanjutnya.

#### **17. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001.**

Sekiranya BIMA atau Pengendali Takaful menerima arahan daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk membekukan atau menyita wang yang diterima sebagai Sumbangan atau wang yang boleh dibayar berkenaan dengan Sijil ini seperti dinyatakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau apa-apa perundangan yang sama atau sekiranya BIMA atau Pengendali Takaful menemui atau mempunyai keraguan yang munasabah bahawa Sijil ini dieksplotasi untuk aktiviti pengubahan wang haram dan/atau untuk membiayai keganasan, BIMA dan Pengendali Takaful berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta merta.

BIMA dan Pengendali Takaful akan menguruskan Sumbangan yang telah dibayar dan kesemua manfaat/jumlah bayaran berkenaan dengan Sijil ini dengan apa-apa cara yang BIMA dan Pengendali Takaful rasakan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

#### **18. PERLINDUNGAN, KEWAJIPAN DAN HAK DATA PERIBADI**

- 18.1 Apa-apa maklumat peribadi termasuk maklumat kewangan dan data peribadi yang sensitif (“Data Peribadi”) didedahkan kepada BIMA atau Pengendali Takaful berkenaan Sijil ini akan dikumpul, digunakan, disimpan, didedahkan dan sebaliknya diproses oleh BIMA, Pengendali Takaful dan pekerja, wakil, syarikat retakaful, ejen dan sekutu menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau undang- undang lain yang berkenaan. BIMA boleh mencatatkan atau dengan cara lain dokumen komunikasi individu dengan syarikat.
- 18.2 Data Peribadi akan dikumpul, digunakan, disimpan, didedahkan dan diproses untuk tujuan berikut:
  - a) untuk lebih memahami keadaan Peserta, menyediakan sebut harga, memeterai dan melaksanakan kontrak takaful Anda, dan untuk menyediakan dan mentadbir Perlindungan Takaful Peserta;
  - b) untuk pengunderitan, penilaian risiko, pengendalian dan menyelesaikan tuntutan dan tujuan audit;

- c) untuk mengesan dan mencegah kegiatan jenayah atau penipuan yang berkenaan dengan urus niaga takaful;
  - d) untuk mengekalkan dan membangunkan sistem dan infrastruktur perniagaan BIMA dan Pengendali Takaful;
  - e) untuk pemindahan data, dan berkongsi dengan, BIMA dan Pengendali Takaful dan sekutu dan/atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak BIMA dan Pengendali Takaful, termasuk yang terletak di luar Malaysia.
  - f) untuk sebarang tujuan lain yang dinyatakan dalam Dasar Privasi masing-masing BIMA dan Pengendali Takaful (lihat pautan di bawah).
- 183 Bagi mengelakkan keraguan, BIMA dan Pengendali Takaful boleh mendedahkan atau berkongsi Data Peribadi yang diberikan kepada:
- a) pembekal perkhidmatan yang mana BIMA atau Pengendali Takaful mempunyai perjanjian untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti mereka;
  - b) mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Pemegang Sijil atau Peserta (dari semasa ke semasa); dan/atau
  - c) penguatkuasa kawal selia dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang- undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada pihak berkuasa.
- 184 Peserta hendaklah mengemaskini kepada BIMA berkenaan dengan apa-apa perubahan dalam Data Peribadi yang diberikan oleh Peserta. BIMA dan Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang mana Peserta mungkin alami akibat apa-apa Data Peribadi tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada BIMA dan Pengendali Takaful.
- 185 Untuk notis peribadi terperinci mengenai bagaimana BIMA mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi, sila rujuk kepada laman web Pengendali Takaful dan BIMA di:
- Pengendali Takaful: [www.ammetlifetakaful.com](http://www.ammetlifetakaful.com)  
BIMA: [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my)

## **DEFINISI**

Dalam Sijil ini, istilah berikut mempunyai maksud yang berikut:

**"Umur"** bermaksud umur pada harijadi yang terdekat.

**"Kemalangan"** bermaksud kejadian tertentu yang berlaku secara mengejut, tidak disengajakan, di luar jangkaan dan luarbiasa yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat yang berlaku pada tarikh, waktu dan tempat yang dikenalpasti yang mana akan, secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain, menjadi punca kecederaan badan.

**"Sijil"** bermaksud sijil takaful berkelompok ini.

**"Tuntutan"** merujuk permohonan dari Penama atau penuntut untuk pembayaran manfaat takaful di bawah Perlindungan Takaful ini.

**"Komisen"** merujuk kepada komisen yang dipersetujui yang perlu dibayar oleh Pengendali Takaful kepada Pemegang Sijil Bekelompok untuk bertindak sebagai ejen korporat Pengendali Takaful seperti yang dinyatakan dalam Sijil ini.

**"Sumbangan"** bermaksud jumlah yang akan dibayar oleh atau bagi pihak Peserta untuk Perlindungan Takaful yang disediakan oleh Pengendali Takaful.

**"Pengisyiharan Kesihatan Baik"** bermaksud tanggapan negatif yang diberikan oleh Peserta kepada soalan-soalan kesihatan yang diminta oleh BIMA sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran. Tanggapan negatif bermakna bahawa Peserta telah menjawab bahawa dia tidak didiagnosis atau dirawat untuk sebarang syarat yang disebut dalam soalan kesihatan BIMA;

**"Penamaan Hibah"** bermaksud Penama yang dinamakan Peserta yang menerima manfaat takaful sebagai penerima di bawah penamaan Hibah seperti yang dinyatakan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

**"Penyedia Telekomunikasi"** bermaksud mana-mana penyedia telekomunikasi di Malaysia.

**"Penama"** bermaksud setiap individu yang dinamakan takaful Peserta sebagaimana yang ditentukan semasa pendaftaran atau kemudian selaras dengan Klausus 10, yang berhak menerima manfaat Perlindungan Takaful. "Tuntutan" hendaklah merujuk permohonan daripada Penama atau penuntut untuk membayar manfaat takaful di bawah Perlindungan Takaful yang berkenaan.

**"Selain Kemalangan"** bermaksud kejadian yang dilindungi berlaku adalah disebabkan oleh Wabak/Penyakit atau kejadian selain daripada Kemalangan.

**"Peserta"** bermaksud orang yang layak menyertai pilihan pelan takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Sijil ini.

**"Dana Risiko Peserta"** merujuk kepada dana yang terdiri daripada Tabarru' daripada sebahagian Sumbangan Anda, untuk membantu Peserta lain yang memerlukan, melalui manfaat-manfaat yang mereka layak untuk mendapatnya.

**"Penuntut yang Wajar"** hendaklah mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya dalam Klausus 10, yang membuat tuntutan jika tiada Penama.

**"Data Peribadi"** hendaklah mempunyai maksud yang dinyatakan kepadanya dalam Klausus 18.

**"Pendaftaran"** bermaksud permohonan untuk Perlindungan Takaful dengan pendaftaran dan pembayaran Sumbangan.

**"Tarikh Pendaftaran"** bermaksud tarikh Permohonan.

**"Jumlah Perlindungan"** bermaksud jumlah maksimum yang dijamin akan dibayar kepada Peserta apabila berlakunya kematian Peserta tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini, dengan syarat Sumbangan penuh telah dibayar sebulan sebelum kematian Peserta. Ia bergantung kepada pilihan pelan Perlindungan Takaful yang dipilih di bawah Sijil ini.

**"Tarikh Penguatkuasaan Semula"** bermaksud tarikh permohonan anda untuk kembali berkuatkuasa diluluskan oleh kami.

**"Tabarru"** bermaksud derma, hadiah atau Sumbangan. Di dalam Sijil ini, Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan takaful.

**"Perlindungan Takaful"** bermaksud perlindungan yang disediakan oleh Pengendali Takaful kepada Peserta dimana sejumlah wang akan dibayar apabila kematian Peserta. Tahap perlindungan akan ditentukan oleh perkadaruan Sumbangan yang dibayar sebulan sebelum kematian Peserta dan tidak akan melebihi jumlah Perlindungan dari pilihan pelan yang dipilih.

**"Tarikh Berkuatkuasa Takaful"** hendaklah mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya dalam Klausus 3.

**"Pengendali Takaful"** bermaksud AmMetLife Takaful Berhad.

**"Tempoh Menunggu"** bermaksud tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Takaful. Ia tidak akan terpakai untuk pembaharuan Perlindungan Takaful untuk Peserta. Walau bagaimanapun, sekiranya Perlindungan Takaful telah luput atau ditamatkan, Tempoh Menunggu akan terpakai semula dari Tarikh Penguatkuasaan Semula.

**"Wakalah"** bermaksud persetujuan untuk melantik Pengendali Takaful untuk menguruskan keseluruhan perkhidmatan yang disediakan di bawah Sijil Induk Takaful ini. Pengendali Takaful akan mengambil sebahagian Sumbangan yang dibayar sebagai bayaran Wakalah sebagai balasan perkhidmatan Pengendali Takaful.